



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو الْكَلْبَانِي  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERUSAHA  
DR SITI NUR FADZILAH MUHSAIN  
PENOLONG REKTOR KAMPUS BERTAM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA  
BERTAM BERAYA 2022  
DI  
FOYER BLOK MAKMAL  
  
PADA  
30 MARCH 2022 / 28 SYAWAL 1443  
(ISNIN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Prof Madya Ir Dr, Ahmad Rashidy Razali**  
**Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik**  
Menjalankan tugas-tugas Rektor  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh
- 2. Yang Berusaha Ts Dr. Mohd Rozaiman Aziz**  
**Timbalan Rektor**  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh
- 3. Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani**  
**Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri**  
**Masyarakat & Alumni**  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh
- 4. Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan**  
**Pulau Pinang.**
- 5. Ahli Jawatankuasa Program, Barisan staf bersara yang diraikan,**  
**seterusnya warga UiTM Kampus Bertam yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama **memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T.** kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini, berhimpun untuk bersama-sama merayakan Aidil Fitri yang hampir ke penghujungnya. Tidak lupa juga barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan staf yang bersara yang hadir pada hari ini. Terima kasih banyak-banyak kerana sudi meluangkan masa untuk menyambut hari raya bersama kami di sini. Bagi pihak warga Kampus Bertam kami sangat mengalu-alukan kehadiran hadirin sekalian.
2. Tujuan sambutan Bertam Beraya 2022 ini dilakukan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kita semua. Mudah-mudahan dengan terlaksananya aktiviti seperti ini, dapat menguatkan lagi ikatan sesama warga khususnya warga Kampus Bertam. Dikesempatan ini juga marilah kita sama-sama memohon kemaafan.

Kalau ada silap dan salah janganlah disimpan di dalam hati. Sama-samalah kita memberi kemaafan.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Selain itu, tujuan sambutan Bertam Beraya ini dilakukan adalah sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT., kerana segala nikmat yang diberikan kepada kita dapat berkumpul semula setelah 2 tahun tidak dapat meraikan lebaran secara sua muka wabak COVID19. Dalam kita bersuka ria, janganlah kita lupa kepada mereka yang kurang bernasib baik, serta amalkan SOP pencegahan COVID-19 dalam keseronokan kita pada hari ini.
4. Tidak dinafikan juga, terdapat halangan-halangan yang dihadapi untuk menjayakan sambutan Bertam Beraya 2022. Namun dengan berkat Kerjasama semua dapat juga sambutan ini diteruskan. Walau dalam keadaan sederhana, namun apa yang penting, pada hari ini dapat kita mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada antara kita semua.
5. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada warga kampus Bertam yang banyak memberi kerjasama untuk menjayakan sambutan hari raya pada kali ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang memberi sumbangan sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya.

**PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian

6. Akhir kata, **sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya menyampaikan pantun nasihat:**

Anak cina pergi sekolah,  
Pergi sekolah berbekalkan roti,  
Kalau ada silap dan salah,  
Janganlah simpan di dalam hati.

Kalau ada sumur di ladang,  
Bolehkah saya menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Bolehlah kita berjumpa lagi.

7. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari raya maaf zahir dan batin.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.